

PM diberi taklimat bandar

UM 17 OCT 2002

Daripada OTHMAN MOHAMAD

HYDERABAD 16 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memulakan lawatan kerja tiga hari ke India hari ini dengan melawat Bandar Perundingan Kejuruteraan Teknologi Maklumat Hyderabad (HITEC) di Madhapur, 17 kilometer dari sini, nadi pembangunan IT India.

Dr. Mahathir dan rombongan diberi taklimat mengenai bandar teknologi bersepadu itu yang dilancarkan pada tahun 1997 oleh Ketua Menteri Andhra Pradesh, N. Chandrababu Naidu.

Bandar seluas 64 hektar itu menawarkan perkhidmatan sehenti bagi keperluan IT dan industri-industri berkaitan untuk keperluan perdagangan dan sosial.

Chandrababu berkata, ia menyediakan rangkaian infrastruktur dan kemudahan komunikasi bertaraf dunia serta kemudah-

an perbankan, hospital dan pusat perubatan, hotel serta agensi pelancongan dan pertukaran asing (forex).

Bandar HITEC adalah satu pusat teknologi yang dimajukan di bawah program Taman Teknologi Perisian India (STPI) yang mempunyai banyak persamaan dengan program Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia.

Dr. Mahathir dan rombongan turut melawat Institut Antarabangsa mengenai Teknologi Maklumat (IIIT), 3 km dari Bandar HITEC, yang memberi tumpuan kepada pendidikan tinggi dalam bidang IT termasuklah di peringkat doktor falsafah (PhD).

Taklimat mengenai IIIT disampaikan oleh Pengarah IIIT, Dr. Rajeev Sangal. Turut menganggotai lawatan Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Dr. Mahathir kemudian meninjau pembangunan syarikat Infosys Technologies Ltd., yang terletak berhampiran IIIT.

teknologi bersepadu Hyderabad

Infosys, syarikat yang menawarkan perundingan dan perkhidmatan IT kepada pelanggannya di seluruh dunia termasuklah dalam bidang perisian.

Syarikat yang diterajui oleh N.R. Narayana Murthy, seorang anggota panel pesihat MSC Malaysia, kini mempunyai lebih 10,000 pekerja di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Jerman dan Sweden.

Terdahulu, ketibaan Dr. Mahathir dan isteri di Lapangan Terbang Begumpet di sini disambut oleh Chandrababu dan isteri, Bhuvaneswari Naidu serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India, Datuk S.K. Choo.

Dr. Siti Hasmah bagaimanapun mempunyai acara berasingan daripada Dr. Mahathir.

Dr. Siti Hasmah melawat Muzium Salar Jung di sini.

Pada sebelah malam, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah diraikan dalam majlis jamuan oleh Gabenor Andhra Pradesh, C. Rangarajan.

Esok, hari kedua beliau di Hyderabad, Perdana Menteri akan melawat Satyam Computer Services Ltd. di Secunderabad di sini, sebelum berlepas ke New Delhi.

Di New Delhi, Dr. Mahathir dijadual menyampaikan ucapan dasar pada Sidang Kemuncak Perniagaan India-ASEAN yang dianjurkan oleh Persekutuan Perdagangan dan Perindustrian India (FICCI).

Beliau juga akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden India, A.P.J. Abdul Kalam serta menemui dan mengadakan mesyuarat delegasi dengan Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee.

Dr. Mahathir juga akan menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan India berhubung Projek Pembangunan Jalan Raya di Negeri Jharkand.

Dr. Mahathir dan rombongan kemudian akan berlepas ke Islamabad pada Jumaat untuk lawatan ke Pakistan. — *Utusan*